

Najib sahkan arah bekas presiden MCA mohon maaf, atau disaman
The Malaysian Insider
Oct 6, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengesahkan mengarahkan peguamnya menghantar surat kepada Tun Dr Ling Liong Sik, menuntut permohonan maaf bekas presiden MCA itu berhubung kenyataannya hujung minggu lalu.

Dalam kenyataan ringkas di laman Facebook rasminya, Najib berkata sekiranya Dr Ling gagal memohon maaf terhadapnya dalam masa 7 hari, tindakan undang-undang akan diambil.

"Saya sudah mengarahkan peguam saya menghantar surat guaman kepada Tun Ling Liong Sik untuk menuntut beliau memohon maaf atas kenyataannya baru-baru ini yang berunsur fitnah.

"Dalam masa 7 hari selepas menerima surat itu, jika Tun Ling tidak berbuat demikian, saya akan mengambil tindakan undang-undang seterusnya," tulis Najib di Facebook.

Tindakan tersebut diambil atas kapasiti peribadi Najib berikutan kenyataan bekas presiden MCA itu dalam laporan media bertajuk "MCA's Liong Sik joins call for Najib's ouster for allegedly putting people's money in his own pocket" dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun berkata kenyataan fitnah bekas menteri pengangkutan itu dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris membawa maksud Najib menyalahgunakan dana pelaburan kerajaan ke dalam akaun peribadinya untuk kepentingan sendiri.

Peguam Najib itu berkata, surat tuntutan permohonan maaf itu sudah dihantar kepada Ling melalui Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak.

"Kenyataan itu juga membawa maksud anak guam kami menyalahgunakan amanah yang diberikan rakyat Malaysia dengan menggunakan kedudukannya sebagai pengerusi syarikat pelaburan negara, 1MDB dan juga sebagai pemimpin negara.

"Ia juga membawa maksud anak guam kami tidak cekap, terlibat dalam skandal kewangan untuk menipu rakyat Malaysia serta tidak layak menjadi pengerusi Barisan Nasional (BN) yang mengandungi 13 parti politik termasuk MCA," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur malam tadi. – 6 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-sahkan-arrah-bekas-presiden-mca-mohon-maaf-atau-disaman>